

# Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) SMK Rancha-Rancha dan SMK Labuan



**22 Februari** – Majlis Pelancaran Program Membaca SMK Rancha-Rancha oleh Dato Sri Mohd Alias Bin Haji Abdul Rahman. Turut hadir Pengetua SMK Rancha-Rancha, Encik Omar Baki Matusin, KPP BTPN Encik Ag Marten bin Hj Abdul Rahman, Penolong-Penolong Kanan, Guru-Guru dan Murid-Murid SMK Rancha-Rancha. Semoga pelancaran program membaca ini dapat memupuk dan menggalakkan lagi minat membaca dalam kalangan warga SMK Rancha-Rancha.



**22 Februari** – Membaca merupakan jambatan ilmu. Pelbagai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang dapat kita pelajari melalui amalan membaca. Semakin banyak yang kita baca dan pelajari, maka semakin tinggilah ilmu yang akan kita perolehi. Mudah-mudahan inisiatif SMK Labuan membina Sudut Nilam di pejabat pentadbiran dapat dimanfaatkan oleh semua pihak termasuk pentadbir sendiri, guru-guru dan juga PKP. Semua guru dan PKP digalakkan membawa sendiri pelbagai jenis buku untuk disumbangkan kepada sudut Nilam SMK Labuan.